

12/12/2001

Peraturan belanja duit kerajaan diperketat

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan memperketatkan peraturan penggunaan wang kerajaan selain tidak akan bersimpati terhadap mana-mana pegawai yang melakukan penyelewengan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, beliau amat sedih apabila ada pegawai sanggup melesapkan wang seperti diperuntukkan untuk membantu rakyat miskin melalui Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

"Sebab itu, kita mempunyai peraturan ketat supaya pentadbiran kewangan negara tidak diselewengkan, duit rakyat tidak hilang. Kalau kita tidak ada peraturan yang ketat, kadang kala duit akan disalahgunakan.

"Kita tidak ada simpati sama sekali dengan pegawai yang menyalahgunakan duit yang diserahkan kepada mereka untuk diuruskan. Tetapi kita harus ingat duit yang diperuntukkan kerajaan adalah untuk dibelanjakan untuk tujuan yang ditetapkan," katanya.

Beliau berucap pada majlis penyampaian wang tunai RM100 kepada 200 orang miskin pelbagai kaum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor di Masjid Wilayah Persekutuan, di Jalan Duta dekat sini hari ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, penggunaan wang kerajaan bukan semudah seperti yang didakwa sesetengah pihak.

"Saya ingin menjelaskan bahawa hendak belanja duit kerajaan ini bukan seperti nak belanjakan duit kita sendiri. Duit kita sendiri, kita boleh keluar dan beri kepada sesiapa yang kita suka.

"Duit kerajaan hendaklah dibelanja secara tersusun untuk tujuan tertentu. Kalau kita tidak ada cara menyekat penyelewengan, maka duit kerajaan yang berbilion ringgit itu akan hilang," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kadangkala kelewatan projek bukan disebabkan pegawai tidak cekap, sebaliknya kerana mereka mesti mematuhi syarat supaya wang berkenaan tidak diselewengkan.

"Untuk mengeluarkan derma kecil seperti yang kita aturkan untuk rakyat yang miskin ini pun, bukanlah mudah kerana kadang-kadang ada juga penyelewengan. Apabila kita menyerah kepada orang tertentu untuk membahagikan duit kepada kaum termiskin, kadang-kadang mereka beri duit itu kepada saudara mara mereka yang tidak termasuk dalam golongan PPRT.

"Kadang-kadang ada pegawai kerajaan pun mendapat bantuan PPRT sedangkan kita tahu gaji pegawai kerajaan tidak menyebabkan mereka termasuk dalam golongan PPRT.

"Saya harap ini tidak berlaku secara berleluasa, sebaliknya peruntukan yang diberi untuk orang miskin di bandar atau luar bandar akan diberi kepada mereka yang berhak, yang betul-betul miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun ekonomi dunia merosot, Malaysia masih tidak meleset seperti kebanyakan negara lain, terutama selepas serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat 11 September lalu.

(END)